



KERAJAAN MALAYSIA

**Perolehan Perkhidmatan Pengkomputeran Awan
(*Cloud*) Sektor Awam**

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN**PK 2.6 Perolehan Perkhidmatan Pengkomputeran Awan (*Cloud*)
Sektor Awam**

1. Latar Belakang.....	3
2. Butir-Butir Kontrak	3
3. Senarai Perkhidmatan <i>Cloud</i>	8
4. Senarai dan Harga Produk <i>Cloud</i>	8
5. Tatacara dan Pelaksanaan Perolehan	9
6. Kaedah, Had Nilai Perolehan Dan Pihak Berkuasa Melulus	12
7. Jawatankuasa Penilaian	12
8. Surat Setuju Terima dan Dokumen Perjanjian	13
9. Kaedah Pengeluaran Pesanan Kerajaan Melalui Sistem ePerolehan (eP)	13
10. Carta Alir Pelaksanaan Perolehan Perkhidmatan <i>Cloud</i> Sektor Awam dan Soalan Lazim (FAQ)	15
11. Agensi Yang Boleh Dihubungi.....	15
12. Pemakaian.....	16
13. Tarikh Kuat kuasa	16
LAMPIRAN	17

PK 2.6 Perolehan Perkhidmatan Pengkomputeran Awan (*Cloud*) Sektor Awam

1. Latar Belakang

- 1.1 Kerajaan melalui Jabatan Digital Negara (JDN) telah menguatkuasakan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bil. 1/2021 - Dasar Perkhidmatan Pengkomputeran Awan Sektor Awam. Pekeliling tersebut bertujuan untuk menyokong inisiatif MyDigital bagi mewujudkan Kerajaan digital yang menyediakan perkhidmatan dalam talian bersepadu secara *end-to-end* yang lebih efisien, efektif dan telus. Antara strategi MyDigital adalah menyasarkan 80% penggunaan storan pengkomputeran awan (*cloud*) merentas Sektor Awam pada tahun 2022.
- 1.2 Dasar Pengkomputeran Awan Sektor Awam oleh JDN menetapkan model pelaksanaan *cloud* sama ada penggunaan *private cloud* iaitu MyGovCloud@PDSA atau *public cloud* yang dilaksanakan melalui *framework agreement*.
- 1.3 *Framework agreement* bagi perkhidmatan *cloud* (*Cloud Framework Agreement* – CFA) merupakan dokumen kontrak antara Kerajaan melalui JDN dengan *Cloud Service Provider* (CSP) dan *Managed Service Provider* (MSP) yang dilantik oleh Kerajaan bagi menyediakan perkhidmatan *cloud* kepada semua Agensi Kerajaan (Agensi). CFA akan dikawal selia oleh JDN sebagai agensi teknikal yang bertanggungjawab ke atas Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Sektor Awam. Pelaksanaan obligasi di bawah CFA akan dipantau oleh JDN sebagai pentadbir kontrak.
- 1.4 Berikutan itu, Pekeliling Perbendaharaan (PP) ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Agensi mengenai pelaksanaan CFA untuk Sektor Awam. Agensi hendaklah memastikan sebarang perolehan perkhidmatan *cloud* yang hendak dilaksanakan mematuhi prosedur ditetapkan.

2. Butir-Butir Kontrak

- 2.1 Kerajaan bersetuju agar perolehan perkhidmatan *cloud* kepada semua Agensi diuruskan melalui CFA yang telah ditandatangani antara Kerajaan dan CSP/MSP untuk tempoh seperti berikut:

Bil.	CSP	MSP	TEMPOH KONTRAK
1.	Amazon Web Services Sdn. Bhd. (357-0002339442) Tel: 03-2779 0508 / 019-307 0543 Faks: n/a Emel:csp-malaysia@amazon.com	Radmik Solutions Sdn. Bhd. (357-02054095) Tel: 03-61500156 / 012-317 2092 Faks: 03-6142 4440 Emel:msp@radmik.com.my	<u>Asal:</u> 1/1/2022 hingga 31/12/2024 <u>Pelanjutan:</u> 1/1/2025 hingga 31/12/2025 <u>Pelanjutan:</u> 1/1/2026 hingga 30/6/2026
2.	Microsoft (Malaysia) Sdn. Bhd. (357-0002344519) Tel: 012-3938063 / 012-233 2871 Faks: 03-2710 6500 Emel:csp-ms@microsoft.com	Enfrasys Solutions Sdn. Bhd. (357-02100847) Tel: 019-2253997/ 03-7498 1525 Faks: n/a Emel:mydigital.msp@enfrasys.com	<u>Asal:</u> 1/3/2022 hingga 28/2/2025 <u>Pelanjutan:</u> 1/3/2025 hingga 31/12/2025 <u>Pelanjutan:</u> 1/1/2026 hingga 30/6/2026
3.	Google Cloud Malaysia Sdn. Bhd. (357-0002343792) Tel: 03-2261 6400 Faks: 03-2178 4734 Emel:csp-malaysia@google.com	Awantec Systems Sdn. Bhd (357-02022936) Tel:03-8689 7000 Faks: 03-8689 7009 Emel:msp@awantec.my	<u>Asal:</u> 1/2/2022 hingga 31/12/2024 <u>Pelanjutan:</u> 1/1/2025 hingga 31/12/2025 <u>Pelanjutan:</u> 1/1/2026 hingga 30/6/2026

4.	Telekom Malaysia Berhad (357-00036277) Tel: 012-289 7915 Faks: 03-7731 3346 Emel:csp@tm.com.my	Cloud Connect Sdn. Bhd. (357-0002336833) Tel: 03-5033 4848 Faks: 03-5033 4848 Emel:mSP@cloud-connect.asia	<u>Asal:</u> 1/1/2022 hingga 31/12/2024 <u>Pelanjutan:</u> 1/1/2025 hingga 31/12/2025 <u>Pelanjutan:</u> 1/1/2026 hingga 30/6/2026
----	--	---	---

Nota : Nombor telefon, faks dan emel akan berubah dari masa ke semasa. Agensi dipohon untuk menghubungi pihak CSP/MSP atau JDN untuk mendapatkan maklumat terkini.

2.2 Peranan terperinci CSP dan MSP adalah seperti berikut:

2.2.1 Peranan CSP

- (a) menyediakan pengurusan pelaksanaan perkhidmatan;
- (b) menyediakan sekurang-kurangnya dua (2) jenis akaun atau peringkat akaun perkhidmatan iaitu:
 - (i) Akaun JDN (*master account*) sebagai pentadbir CFA, boleh melanggan, memantau penggunaan *cloud*, maklumat bil/caj pembayaran perkhidmatan bagi semua agensi Kerajaan dan fungsi-fungsi lain yang berkaitan; dan
 - (ii) Akaun Agensi Kerajaan (*sub-account*) sebagai pengguna perkhidmatan yang boleh melanggan, mengkonfigurasi, memantau penggunaan *cloud*, melakukan optimasi perkhidmatan, bil/caj dan pembayaran bagi agensi masing-masing dan fungsi-fungsi lain yang berkaitan.
- (c) menyediakan perkhidmatan *Infrastructure-as-a-Service* (IaaS), *Platform-as-a-Service* (PaaS), *Software-as-a-Service* (SaaS), *Anything-as-a-Service* (XaaS) dan lain-lain yang berkaitan dengan perkhidmatan *cloud* yang selamat kepada Kerajaan;
- (d) menyediakan *Service Level Agreement* (SLA) bagi setiap

perkhidmatan berkenaan;

- (e) menyediakan perkhidmatan profesional (*professional services*) termasuk cadangan dan perancangan teknikal, konfigurasi, migrasi dan lain-lain yang berkaitan dengan perkhidmatan;
- (f) menyediakan *trial period*/akaun demo bagi setiap *service catalogue* yang terpilih tanpa obligasi bayaran;
- (g) menyediakan meja bantuan dan khidmat sokongan:
 - (i) beroperasi dengan lancar;
 - (ii) mempunyai perkhidmatan profesional dan *local support* bagi perkhidmatan yang ditawarkan;
 - (iii) memaklumkan insiden serta status insiden melalui emel dan/atau SMS;
 - (iv) memastikan insiden diselesaikan mengikut tempoh penyelesaian insiden yang ditawarkan mengikut SLA yang dicadangkan;
 - (v) menyediakan bilangan kakitangan meja bantuan dan khidmat sokongan;
 - (vi) menyediakan *response time* dan *resolution time* berdasarkan *severity level*;
- (h) menyediakan perkhidmatan seperti termaktub dalam kontrak dan memastikan perkhidmatan tersebut dilaksanakan secara teratur dan memuaskan;
- (i) memberikan kerjasama kepada Agensi dan/atau wakil Agensi yang dilantik oleh Agensi (seperti *System Integrator -SI*) yang melanggan perkhidmatan; dan
- (j) Agensi akan membuat bayaran melalui MSP bagi perkhidmatan yang digunakan.

2.2.2 Peranan MSP

- (a) memantau SLA bagi setiap perkhidmatan yang disediakan;
- (b) menyediakan *Cloud Management Platform* (CMP);
- (c) konsolidasi katalog, memberi cadangan pelaksanaan sumber dan *metering/billing* bagi status bayaran;

- (d) menyediakan perkhidmatan profesional, konsultasi dan latihan *cloud*;
- (e) mewujudkan pusat khidmat sokongan;
- (f) membekalkan lesen perisian secara *on-premises* (jika berkaitan);
- (g) mewujudkan dan menyelenggara sistem pemantauan perolehan aset lesen perisian oleh setiap kementerian/agensi;
- (h) mewujudkan pusat khidmat pelanggan/panggilan setempat;
- (i) memastikan perisian adalah tulen;
- (j) bekerjasama dengan SI yang dilantik oleh Agensi sebagai subkontraktor dinamakan;
- (k) memberi latihan pemasangan, penggunaan dan penyelenggaraan perisian;
- (l) menyediakan perkhidmatan profesional bermula perancangan, migrasi ke *cloud*, konfigurasi dan pengujian perkhidmatan (jika perlu);
- (m) menyediakan dokumentasi dan laporan secara berkala bagi setiap langganan dan melalui *dashboard*;
- (n) pelan perancangan bagi kedua-dua program penggalakan penggunaan perkhidmatan kepada agensi sektor awam dan memberikan kursus *certified/non-certified* secara percuma kepada pegawai Kerajaan yang bersesuaian;
- (o) menyediakan bilangan kakitangan yang cukup serta berkemampuan bagi memberi khidmat sokongan 24X7;
- (p) menyediakan pasukan projek yang berupaya melaksanakan perkhidmatan; dan
- (q) Agensi yang memerlukan perkhidmatan akan membuat sebut harga dan akan mengikat kontrak dengan MSP yang mengandungi jenis perkhidmatan, nilai perolehan serta SLA yang ditawarkan.

3. Senarai Perkhidmatan *Cloud*

- 3.1 Senarai perkhidmatan *cloud* yang ditawarkan oleh CSP/MSP yang merangkumi IaaS, PaaS, SaaS dan lain-lain perkhidmatan *cloud* selamat boleh didapati melalui katalog di platform bersepadu kelolaan JDN melalui *hyperlink* <https://mygovcloudcfa.jdn.gov.my/>.
- 3.2 Agensi yang ingin mendapatkan perkhidmatan *cloud* selain daripada yang dinyatakan di platform <https://mygovcloudcfa.jdn.gov.my/> atau tidak dapat ditawarkan oleh panel CSP/MSP atau melibatkan elemen keselamatan/perundangan, hendaklah melaksanakan perkhidmatan *cloud* tersebut secara kaedah perolehan sedia ada yang berkuat kuasa dengan mendapat kelulusan pengecualian penggunaan CFA daripada JDN.
- 3.3 Agensi yang mempunyai kontrak perkhidmatan *cloud* sedia ada dengan mana-mana CSP/MSP boleh meneruskan kontrak sedia ada dan mengguna pakai peraturan ini sebaik tempoh kontrak tersebut tamat.
- 3.4 Agensi yang mempunyai kontrak perkhidmatan perisian berasaskan *cloud* atau kontrak lesen perisian secara *on-premises* sedia ada dengan mana-mana CSP/MSP adalah tertakluk kepada tatacara Perolehan Perkhidmatan Perisian Berasaskan *Cloud* atau Kontrak Lesen Perisian Secara *On-Premises* (tempoh interim).

4. Senarai dan Harga Perkhidmatan *Cloud*

- 4.1 Senarai dan harga perkhidmatan *cloud* beserta diskaun yang ditawarkan oleh CSP adalah berdasarkan katalog yang diuruskan oleh MSP melalui <https://mygovcloudcfa.jdn.gov.my/>. Harga perkhidmatan yang dinyatakan di katalog boleh dijadikan panduan oleh Agensi dalam menyediakan spesifikasi keperluan serta Anggaran Jabatan.
- 4.2 Harga yang dinyatakan di katalog adalah dalam mata wang Dolar Amerika (USD) kecuali Telekom Malaysia Sdn. Bhd. dalam Ringgit Malaysia (RM) atau jika dinyatakan sebaliknya. Agensi hendaklah memastikan harga yang diperolehi adalah tidak melebihi kadar harga yang telah ditetapkan di dalam katalog perkhidmatan beserta harga diskaun.
- 4.3 Walau bagaimanapun, tawaran harga oleh MSP dan pembayaran hendaklah dibuat dalam mata wang Ringgit Malaysia (RM). Kadar pertukaran 1USD kepada RM yang telah dipersetujui oleh Kerajaan adalah seperti berikut:

Jadual 1

Kadar	Ketetapan
< RM4.00	Mengikut kadar pertukaran semasa Bank Negara Malaysia (BNM)
≥ RM4.00 – RM4.30	Mengikut kadar maksimum RM4.30
> RM4.30	a) Jika kadar pertukaran semasa BNM melebihi RM4.30 tetapi kenaikan tidak melebihi lima peratus (5%), kadar pertukaran adalah berdasarkan RM4.30. b) Jika kadar pertukaran semasa BNM melebihi RM4.30 tetapi kenaikan melebihi lima peratus (5%), kadar pertukaran adalah berdasarkan kadar pertukaran semasa BNM.

- 4.4 Tempoh sah tawaran harga oleh MSP adalah selama 90 hari. Agensi bertanggungjawab untuk membuat semakan ke atas tawaran harga yang dikemukakan oleh MSP agar selaras dengan kadar harga di katalog dan CFA serta mata wang asing berdasarkan ketetapan di Jadual 1.
- 4.5 Kadar tukaran matawang asing bagi tujuan pembayaran hendaklah dirujuk kepada kadar yang dikeluarkan oleh portal Jabatan Akauntan Negara di <https://www.anm.gov.my>.

5. Tatacara dan Pelaksanaan Perolehan

- 5.1 Agensi yang berhasrat melaksanakan perolehan perkhidmatan *cloud* hendaklah terlebih dahulu memahami Dasar Pengkomputeran Awan Sektor Awam melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 1 Tahun 2021 yang dikeluarkan oleh JDN.
- 5.2 Agensi hendaklah memastikan perkhidmatan *cloud* yang melibatkan penyimpanan dokumen atau maklumat rahsia rasmi diurus berdasarkan peraturan keselamatan yang berkuat kuasa dan tertakluk kepada pematuhan Garis Panduan Pengurusan Keselamatan Maklumat Melalui Pengkomputeran Awan (*Cloud Computing*) Dalam Perkhidmatan Awam atau arahan lain yang dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO).
- 5.3 Terdapat tiga (3) kategori perolehan perkhidmatan *cloud* seperti berikut:

5.3.1 Perolehan Perkhidmatan Cloud yang Bukan Sebahagian daripada Projek

- (a) Agensi hendaklah menyediakan spesifikasi keperluan teknikal dan memohon sebut harga (*quotation*) perkhidmatan *cloud* yang ditawarkan oleh CSP melalui MSP berdasarkan nasihat teknikal oleh JDN.
- (b) Sebut harga oleh MSP tersebut hendaklah dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian dan dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Melulus untuk pertimbangan.
- (c) Sekiranya teknologi *cloud* yang diperlukan adalah spesifik dan hanya dapat dibekalkan oleh satu CSP sahaja (*sole provider*) dari kalangan panel CSP, JDN hendaklah mengesahkan perkara tersebut dan memutuskan kesesuaian perolehan berkenaan dilaksanakan secara rundingan terus berdasarkan had nilai dan diputuskan oleh Pihak Berkuasa Melulus seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2. Agensi hendaklah melaksanakan rundingan harga berdasarkan tatacara yang berkuatkuasa sebelum dimuktamadkan di peringkat PBM.
- (d) Bagi perolehan perkhidmatan *cloud* yang disediakan oleh syarikat selain panel CSP dan perkhidmatan tersebut tidak disediakan oleh panel CSP yang dilantik oleh Kerajaan, Agensi adalah tertakluk kepada tatacara biasa perolehan Kerajaan.
- (e) Tatacara ini juga terpakai bagi perolehan lesen perisian secara *on-premises* yang dibekalkan oleh CSP melalui MSP berkaitan sahaja.

5.3.2 Perolehan Perkhidmatan Cloud yang Merupakan Sebahagian daripada Projek

- (a) Agensi hendaklah memastikan perolehan projek yang memerlukan perisian/platform/infrastruktur dilaksanakan mengikut tatacara semasa yang berkuat kuasa.
- (b) Syarikat atau SI yang mengambil bahagian dalam perolehan perkakasan/pembangunan sistem aplikasi hendaklah mendapatkan sebut harga (*quotation*) perisian/platform/infrastruktur daripada MSP dan seterusnya mengemukakan sebut harga bagi produk *cloud* tersebut bersama tawaran perkakasan/pembangunan sistem aplikasi masing-masing. Sebut harga (*quotation*) yang dikemukakan untuk perisian/platform/infrastruktur hendaklah mematuhi jadual harga yang telah ditetapkan

dalam katalog dan CFA. Ketetapan ini hendaklah dimasukkan dalam dokumen tender/sebut harga.

- (c) Agensi disarankan supaya memasukkan dalam klausa kontrak projek (kontrak utama) bagi pelantikan MSP sebagai Sub Kontraktor Dinamakan (*Nominated Sub Contractor* - NSC) dan penyediaan *Deed of Assignment* untuk MSP serta kontrak langganan (sekiranya berkaitan secara berasingan) bagi memudahkan pelaksanaan kontrak projek di peringkat Agensi masing-masing. Tempoh kontrak langganan boleh melepasi tempoh kontrak utama.
- (d) Tatacara ini juga terpakai bagi perolehan lesen perisian secara *on-premises* yang dibekalkan oleh CSP melalui MSP berkaitan sahaja.

5.3.3 Perolehan Perkhidmatan Perisian Berasaskan Cloud atau Perolehan Perisian Secara On-Premises (Tempoh Interim)

- (a) Agensi yang mempunyai kontrak perkhidmatan perisian berasaskan *cloud* atau kontrak lesen perisian secara *on-premises* yang akan tamat pada atau sebelum 30 September 2022 sahaja dibenarkan untuk dilanjutkan sehingga tempoh maksimum satu (1) tahun (tempoh interim), tanpa tertakluk kepada peraturan di bawah PK2.6 ini. Pelaksanaan pelanjutan tempoh kontrak adalah tertakluk kepada PK4.1.
- (b) Agensi yang telah melaksanakan perolehan baharu perkhidmatan lesen perisian berasaskan *cloud* atau perisian secara *on-premises* sebelum tarikh pekeliling ini berkuat kuasa boleh meneruskan proses perolehan dan memuktamadkan perolehan berkaitan.
- (c) Agensi digalakkan supaya merancang dan melaksanakan perolehan baharu dalam tempoh interim untuk menggantikan kontrak perkhidmatan berasaskan *cloud* atau kontrak perisian secara *on-premises* bagi memastikan kontrak berkaitan tidak terputus dan penyampaian perkhidmatan tidak terjejas.
- (d) Pengecualian tatacara bagi perenggan 5.3.3 (a) dan (b) hanya dibenarkan dalam tempoh interim sahaja dan perolehan baharu setelah tempoh kontrak berkenaan tamat hendaklah dilaksanakan berdasarkan peraturan yang ditetapkan melalui PK2.6 ini.

- 5.4 Pelanjutan tempoh kontrak bagi mana-mana perkhidmatan *cloud* adalah berdasarkan PK4.1.

6. Kaedah, Had Nilai Perolehan Dan Pihak Berkuasa Melulus

- 6.1 Kaedah perolehan, had nilai dan Pihak Berkuasa Melulus bagi kategori perolehan Perolehan Perkhidmatan *Cloud* yang Bukan Sebahagian daripada Projek adalah seperti berikut:

Jadual 2

Had Nilai	Kaedah Perolehan	Pihak Berkuasa Melulus
Sehingga RM50 ribu setahun atau dalam satu kontrak	Pembelian terus dengan mana-mana panel MSP.	Pegawai Pengawal/ Pegawai Yang Diturunkan Kuasa oleh Pegawai Pengawal
Melebihi RM50 ribu sehingga RM500 ribu setahun atau dalam satu kontrak	Sebut harga dalam kalangan panel MSP/ Rundingan Terus [khusus bagi perenggan 5.3.1 (c)]	Jawatankuasa Sebut Harga
Melebihi RM500 ribu setahun atau dalam satu kontrak	Sebut harga dalam kalangan panel MSP/ Rundingan Terus [khusus bagi perenggan 5.3.1 (c)]	Lembaga Perolehan Agensi

- 6.2 Pihak Berkuasa Melulus boleh melantik lebih daripada satu MSP bergantung kepada keperluan agensi bagi sesuatu projek dan perlu menyediakan kontrak berasingan bagi setiap MSP.

7. Jawatankuasa Penilaian

- 7.1 Agensi hendaklah menubuhkan satu Jawatankuasa Penilaian bagi menilai perolehan melebihi RM50 ribu dengan keahlian hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang iaitu seorang pengerusi dan dua (2) orang ahli, di mana salah seorang daripadanya hendaklah terdiri daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau setaraf. Pelantikan hendaklah dibuat secara bertulis oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan.
- 7.2 Penilaian hendaklah dibuat ke atas tawaran teknologi *cloud* berdasarkan keperluan agensi dan tawaran harga berdasarkan katalog perkhidmatan. Penilaian kemampuan kewangan syarikat adalah tidak diperlukan.

- 7.3 Perolehan yang dilaksanakan secara rundingan terus berdasarkan perenggan 5.3.1 (c) adalah dikecualikan daripada proses penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian.

8. Surat Setuju Terima dan Dokumen Perjanjian

- 8.1 Agensi hendaklah mengeluarkan Surat Setuju Terima (SST) secara manual bagi perolehan bermasa tanpa tertakluk sebarang had nilai atau perolehan secara *one-off* yang melebihi RM50 ribu. SST tersebut hendaklah disalinkan kepada JDN bagi tujuan penyelarasan dan pemantauan.
- 8.2 Agensi hendaklah mengadakan dokumen perjanjian bagi perolehan bermasa tanpa tertakluk kepada sebarang had nilai atau perolehan secara *one-off* yang melebihi RM500 ribu. Senario keperluan dokumen perjanjian adalah seperti berikut:
- 8.2.1 Dokumen perjanjian melibatkan Agensi dan MSP hendaklah menyatakan peranan CSP. MSP dan CSP hendaklah mematuhi perjanjian kerjasama (*partner agreement*) yang telah ditandatangani serta perlu menyatakan tanggungjawab MSP untuk membuat pembayaran kepada CSP berdasarkan obligasi kontrak; dan
- 8.2.2 Dokumen perjanjian melibatkan Agensi dan SI/kontraktor projek hendaklah menyatakan peranan MSP. SI dan MSP hendaklah mematuhi perjanjian yang telah ditandatangani serta perlu menyatakan tanggungjawab SI/kontraktor projek untuk membuat pembayaran kepada MSP berdasarkan obligasi kontrak. Agensi adalah dinasihatkan untuk melaksanakan tatacara seperti di perenggan 5.3.2 (c).
- 8.3 Dokumen perjanjian yang disediakan hendaklah mempunyai klausa-klausa penting bagi menjaga kepentingan Kerajaan seperti bon pelaksanaan, SLA, cukai perkhidmatan, dasar *Protege-Ready To Work (PROTEGE-RTW)* dan lain-lain sepertimana yang telah ditetapkan di bawah PK4.

9. Kaedah Pengeluaran Pesanan Kerajaan Melalui Sistem ePerolehan (eP)

- 9.1 Pengeluaran Pesanan Kerajaan bagi Perolehan Perkhidmatan *Cloud* Sektor Awam hendaklah dilaksanakan menggunakan Sistem eP di

bawah kategori Perolehan Item Khas/PK7 dengan tajuk 'PK2.6: Perkhidmatan *Cloud* Secara *Framework Agreement*'.

9.2 Kaedah pelaksanaan adalah seperti berikut:

9.2.1 Pengeluaran Pesanan Kerajaan bagi perolehan Perkhidmatan *Cloud* Secara *Framework Agreement* melalui Sistem eP dilaksanakan melalui modul Pembelian Terus secara "Pelawaan Tawaran Harga (*Simple Quote*)".

9.2.2 Pelaksanaan (*Simple Quote*), Agensi dikehendaki memilih "Jenis Perolehan" sebagai "Item Khas/PK7" dan memilih "Sebab" sebagai "PK2.6: Perkhidmatan *Cloud* Secara *Framework Agreement*".

9.2.3 Agensi seterusnya perlu mengunci masuk "Perkhidmatan *Cloud* Secara *Framework Agreement*" di ruangan "Justifikasi".

9.2.4 Agensi melaksanakan carian dan memilih MSP yang telah dilantik melalui kontrak antara Agensi dengan MSP untuk diserahkan pelawaan tawaran harga.

9.2.5 MSP hendaklah mengemukakan maklum balas pelawaan tawaran harga selaras dengan harga sebenar perkhidmatan yang digunakan, sebagaimana kadar harga yang dinyatakan melalui kontrak yang telah dipersetujui oleh Agensi dengan pembekal.

9.2.6 Pesanan Kerajaan hendaklah dikeluarkan selewat-lewatnya dalam tempoh tujuh (7) hari selepas sesuatu perkhidmatan disempurnakan.

9.2.7 Proses Pembelian Terus selanjutnya hendaklah diteruskan sehingga selesai peringkat "Padanan Bayaran" pada modul Pemenuhan.

9.3 Kaedah pengeluaran Pesanan Kerajaan ini hanya terpakai untuk perkhidmatan *cloud* seperti berikut:

- a) bayaran bil kepada MSP bagi kategori Perolehan Perkhidmatan *Cloud* yang Bukan Sebahagian daripada Projek;
- b) bayaran secara terus kepada MSP untuk kontrak yang melibatkan *Deed of Assignment* seperti kategori Perolehan

Perkhidmatan *Cloud* yang Merupakan Sebahagian daripada Projek; dan

- c) bayaran bagi kontrak langganan kepada MSP selepas tempoh kontrak utama tamat bagi kategori Perolehan Perkhidmatan *Cloud* yang Merupakan Sebahagian daripada Projek.

9.4 Pembayaran bil masih tertakluk kepada tatacara kewangan semasa yang berkuat kuasa dari segi kesempurnaan perkhidmatan dan pembayaran dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh bil tersebut diterima dengan lengkap.

10. Carta Alir Pelaksanaan Perolehan, Pengeluaran Pesanan Kerajaan dan Soalan- Soalan Lazim (FAQ) Perkhidmatan Cloud Sektor Awam

Carta alir bagi pelaksanaan perolehan Perkhidmatan *Cloud* Sektor Awam adalah seperti berikut :

- a) **Lampiran 1** - Carta Alir Pelaksanaan Perolehan;
- b) **Lampiran 2** - Carta Alir Pengeluaran Pesanan Kerajaan; dan
- c) **Lampiran 3** - Soalan- Soalan Lazim (FAQ) Perkhidmatan Cloud Sektor Awam.

11. Agensi Yang Boleh Dihubungi

Agensi yang memerlukan maklumat lanjut mengenai perkhidmatan *cloud* boleh menghubungi agensi berkaitan seperti berikut:

Nasihat Berkaitan Pekeliling Perbendaharaan

Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan
Telefon : 03 - 8882 3930/8897/4093/4025/3287

Maklumat Berkaitan Perkhidmatan Cloud

Unit Pengurusan Pusat Data (DCMU)
Bahagian Perundingan Digital, Jabatan Digital Negara (JDN)
Telefon : 03 - 8892 7450/ 03 – 8872 3057/5065/6258/6254

12. Pemakaian


Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, PK2.6 ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

13. Tarikh Kuat kuasa

- 13.1 **Peraturan ini berkuat kuasa mulai 15 April 2022.**
- 13.2 **Pindaan pelanjutan berkuat kuasa mulai 1 Mac 2025**
- 13.3 **Pindaan pelanjutan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2026.**

Lampiran 1


Carta Alir Pelaksanaan Perolehan Perkhidmatan Pengkomputeran Awan (Cloud) Sektor Awam



Lampiran 2

KAEDAH PENGELUARAN PESANAN KERAJAAN MELALUI SISTEM ePEROLEHAN (eP)

Agensi hendaklah melaksanakan langkah-langkah pengeluaran Pesanan Kerajaan di Sistem eP bagi penggunaan 'Item Khas/PK7' seperti berikut:



*Nota : Proses di atas merujuk kepada perolehan berdasarkan item (*Perkhidmatan Cloud Secara Framework Agreement*) yang diperlukan tiada dalam katalog Sistem eP

Lampiran 3

**SOALAN LAZIM BERKAITAN PK 2.6 : PEROLEHAN PERKHIDMATAN
PENGKOMPUTERAN AWAN (CLOUD) SEKTOR AWAM**

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Bagaimana dasar perolehan Perkhidmatan Pengkomputeran Awan (<i>Cloud</i>) Sektor Awam dilaksanakan?	Dasar perolehan Perkhidmatan Pengkomputeran Awan (<i>Cloud</i>) Sektor Awam adalah merujuk kepada PKPA 1/2021 yang dilaksanakan melalui MyGovCloud@PDSA atau <i>public cloud</i> yang dilaksanakan melalui <i>framework agreement</i> bersama panel CSP/MSP yang telah dilantik.
2.	Bilakah PK2.6: Perkhidmatan Pengkomputeran Awan (<i>Cloud</i>) Sektor Awam berkuat kuasa?	Rujuk Jadual pada perenggan 2.1.
3.	Siapakah senarai CSP dan MSP yang dilantik sebagai panel perkhidmatan <i>cloud</i> ?	Rujuk Jadual pada perenggan 2.1.
4.	Dimanakah senarai perkhidmatan <i>cloud</i> yang disediakan oleh CSP/MSP boleh didapati oleh agensi?	Rujuk katalog di platform bersepadu kelolaan JDN melalui <i>hyperlink</i> https://mygovcloudcfa.jdn.gov.my/
5.	Bagaimanakah tatacara perolehan bagi perkhidmatan <i>cloud</i> selain daripada yang dinyatakan di platform (https://mygovcloudcfa.jdn.gov.my/) atau yang tidak ditawarkan oleh panel CSP/MSP melalui PK2.6 ini dilaksanakan?	Agensi boleh melaksanakan perkhidmatan <i>cloud</i> tersebut secara kaedah perolehan sedia ada yang berkuat kuasa dengan mendapat kelulusan pengecualian penggunaan CFA daripada JDN. Perolehan boleh dilaksanakan menggunakan peraturan di bawah PK2.1 atau PK7.6 setelah kelulusan JDN diperolehi.
6.	Adakah kontrak perkhidmatan <i>cloud</i> sedia ada boleh diteruskan setelah PK2.6 ini berkuat kuasa?	Agensi boleh meneruskan kontrak sedia ada dan mengguna pakai peraturan ini sebaik tempoh kontrak tersebut tamat. Perolehan baharu hendaklah dilaksanakan berdasarkan PK2.6.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
7.	Apakah contoh perkhidmatan perisian berasaskan <i>cloud</i> atau lesen perisian secara <i>on-premises</i> ?	Perkhidmatan perisian berasaskan <i>cloud</i> adalah seperti <i>O365 Office Pro</i> dan <i>Microsoft Team</i> , manakala lesen perisian secara <i>on-premises</i> adalah seperti Microsoft Office Standard 2019.
8.	Apakah mata wang yang diguna pakai bagi penyediaan tawaran harga perkhidmatan <i>cloud</i> oleh MSP?	Tawaran harga perkhidmatan <i>cloud</i> oleh MSP hendaklah dibuat dalam Ringgit Malaysia (RM). Agensi hendaklah membuat penyelarasan tukaran mata wang asing bagi harga produk yang ditawarkan dalam mata wang USD kepada RM berdasarkan kadar seperti di Jadual pada perenggan 4.3.
9.	Apakah tempoh sah laku tawaran harga perkhidmatan <i>cloud</i> oleh MSP?	Tempoh sah laku tawaran harga adalah selama 90 hari.
10.	Apakah yang ditakrifkan sebagai “projek” di bawah PK2.6?	Takrifan “projek” adalah merangkumi perkara-perkara berikut: i) Projek ICT termasuk perolehan pembangunan sistem/ perkakasan/ perisian/ perlesenan ICT/perkhidmatan ICT ii) Projek fizikal yang mempunyai elemen perkhidmatan <i>cloud</i>/ICT
11.	Bagaimanakah mekanisme pelaksanaan perolehan perkhidmatan <i>cloud</i> dilaksanakan?	i) Perolehan perkhidmatan <i>cloud</i> bagi kategori yang dinyatakan melalui perenggan 5.3.1 - pelawaan tawaran harga daripada kalangan empat (4) panel MSP hendaklah dibuat secara manual. ii) Perolehan perkhidmatan <i>cloud</i> bagi kategori yang dinyatakan melalui perenggan 5.3.2 - perolehan perkhidmatan <i>cloud</i> adalah merupakan salah satu skop di bawah perolehan utama iaitu perolehan projek. Oleh itu, mekanisme pelaksanaan perolehan adalah bergantung kepada mekanisme perolehan utama tersebut menggunakan tatacara perolehan sedia ada.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
12.	Adakah SI wajib melantik MSP sebagai Sub Kontraktor Dinamakan (<i>Nominated Sub Contractor</i> - NSC) bagi perkhidmatan <i>cloud</i> yang merupakan sebahagian daripada projek yang dilaksanakan oleh <i>System Integrator</i> /kontraktor projek?	Ya. SI hendaklah mendapatkan tawaran harga bagi skop berkaitan perkhidmatan <i>cloud</i> daripada MSP yang disenaraikan melalui PK2.6 sahaja, tertakluk kepada perkhidmatan yang ditawarkan. Agensi disarankan supaya memasukkan dalam klausa kontrak projek (kontrak utama) bagi pelantikan MSP sebagai Sub Kontraktor Dinamakan (<i>Nominated Sub Contractor</i> - NSC) dan penyediaan <i>Deed of Assignment</i> untuk MSP serta kontrak langganan (sekiranya berkaitan secara berasingan) bagi memudahkan pelaksanaan kontrak projek di peringkat Agensi masing-masing. Tempoh kontrak langganan boleh melepasi tempoh kontrak utama.
13.	Adakah perolehan projek/perkhidmatan ICT yang mempunyai ciri-ciri berasaskan <i>cloud</i> perlu mengguna pakai PK2.6?	Ya. Syarikat yang ingin menyertai perolehan hendaklah mendapatkan skop perkhidmatan <i>cloud</i> daripada MSP yang disenaraikan.
14.	Adakah Agensi dibenarkan untuk meneruskan proses perolehan yang sedang dilaksanakan setelah PK2.6 ini berkuat kuasa?	Agensi yang sedang melaksanakan perolehan baharu perkhidmatan <i>cloud</i> boleh meneruskan proses perolehan dan memuktamadkan perolehan berkaitan. Perolehan baharu seterusnya selepas tempoh kontrak tamat hendaklah dilaksanakan berdasarkan peraturan di bawah PK2.6 ini.
15.	Bagaimanakah sekiranya pihak Agensi masih tidak melaksanakan atau menghadapi kekangan masa atau faktor lain ke atas proses permohonan untuk melanjutkan lesen perkhidmatan <i>cloud</i> sedia ada?	Agensi perlu mengemukakan permohonan pengecualian beserta justifikasi yang kukuh kepada JDN dan kelulusan mengenai tatacara perolehan adalah tertakluk kepada JDN.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
16.	Bagaimanakah mekanisme pengeluaran Pesanan Kerajaan (LO) bagi kontrak perkhidmatan <i>cloud</i> dilaksanakan?	Pengeluaran LO hendaklah dilaksanakan menggunakan Sistem eP di bawah kategori Perolehan Item Khas/PK7 dengan tajuk PK2.6: Perkhidmatan <i>cloud</i> secara <i>framework agreement</i>, melalui modul Pembelian Terus secara "Pelawaan Tawaran Harga (<i>Simple Quote</i>). Kaedah pengeluaran Pesanan Kerajaan ini hanya terpakai untuk perkhidmatan <i>cloud</i> seperti berikut: a. bayaran bil kepada MSP bagi kategori perolehan di perenggan 5.3.1; b. bayaran secara terus kepada MSP untuk kontrak yang melibatkan DOA seperti kategori perolehan di perenggan 5.3.2; dan c. bayaran bagi kontrak langganan kepada MSP selepas tempoh kontrak pembangunan sistem tamat seperti kategori perolehan di perenggan 5.3.2.
17.	Adakah Agensi boleh membuat pembayaran secara terus kepada MSP yang dilantik sebagai NSC bagi perkhidmatan <i>cloud</i> yang merupakan sebahagian daripada projek?	Boleh. Walau bagaimanapun, kebenaran pembayaran adalah tertakluk jika Agensi memasukkan di dalam klausa kontrak utama bagi pelantikan MSP sebagai NSC dan menyediakan DOA untuk MSP. Sekiranya DOA merupakan sebahagian daripada perjanjian antara Agensi dengan SI/kontraktor projek, maka kandungan DOA ini perlu juga dimuat naik ke dalam sistem eP sebagai kandungan perjanjian bagi perolehan utama yang dilaksanakan melalui sistem eP. Ini bagi membolehkan rujukan untuk urusan pentadbiran kontrak dan rujukan siling kontrak.
18.	Berapa lama tempoh pengeluaran LO perlu dibuat?	LO hendaklah dikeluarkan selewat-lewatnya dalam tempoh tujuh (7) hari selepas sesuatu perkhidmatan disempurnakan dan pembayaran adalah tertakluk kepada tatacara semasa yang berkuat kuasa.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
19.	Adakah perkhidmatan cloud yang mengandungi maklumat rahsia rasmi Kerajaan boleh mendapatkan perkhidmatan cloud daripada MSP/CSP di bawah PK2.6 ini?	Agensi hendaklah membuat penilaian kategori data yang akan terlibat dengan merujuk kepada CGSO terlebih dahulu dan mendapatkan keputusan JDN untuk kesesuaian penggunaan kaedah perolehan perkhidmatan <i>cloud</i> .
20.	Fi Perkhidmatan Sistem eP	Fi perkhidmatan bagi kaedah pelaksanaan pengeluaran Pesanan Kerajaan di perenggan 9/PK2.6 perlu ditetapkan sebagai 0.8% disebabkan ia menggunakan modul Pembelian Terus. Fi perkhidmatan bagi kaedah perolehan mengikut tatacara perolehan sedia ada yang dinyatakan pada perenggan 5.3.2 adalah mengikut fi perkhidmatan yang dinyatakan di PK5.1 iaitu 0.8% untuk kontrak bukan bermasa/<i>one-off</i> dan 0.4% untuk kontrak bermasa.
21.	Apakah kaedah perolehan untuk penambahan lesen/ <i>true-up</i> untuk kontrak langganan <i>cloud/on-premises</i> yang disediakan oleh panel CSP sedia ada?	Agensi adalah tertakluk kepada tatacara perolehan yang ditetapkan di bawah PK4.1.
22.	Apakah takrifan “tempoh interim” di bawah PK2.6?	“Tempoh interim” merujuk kepada tempoh kuatkuasa kontrak perkhidmatan <i>cloud/on-premises</i> sedia ada agensi yang akan tamat pada atau sebelum 30 September 2022, yang mana Agensi dibenarkan untuk melanjutkan kontrak sehingga tempoh maksimum selama satu (1) tahun sahaja.